

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 40

RUANGAN : TENGAH

MSU IPT pertama jalin kerjasama dengan KKM

Shah Alam: Management & Science University (MSU) menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) pertama menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40).

Presiden MSU, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Abd Yajid berkata, program khidmat komuniti, *MSU Embracing Healthcare Outreach (ECHO)* dengan kerjasama KKM akan mula dilaksanakan Mac ini.

Katanya, menerusi kerjasama dijalin MSU dan KKM akan menjalankan aktiviti membabitkan Peka B40.

"Ini adalah program pertama dijalankan bersama KKM dan fokus utama Me-



DARI kiri, Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim, Dr Dzulkefly dan Dr Mohd Shukri pada Majlis Pelancaran MSU ECHO dan Pertukaran MoU antara MSU serta Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, semalam.

morandum Persefahaman (MoU) kami meterai bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor juga membabitkan golongan B40.

"Saya percaya menerusi kerjasama ini, kami dapat memberikan kesedaran dan memajukan pembangunan kesihatan secara menyeluruh serta meningkatkan daya saing memberi manfaat besar kepada golongan berkecukupan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran MSU Embracing Community Healthcare Outreach (ECHO) dan Pertukaran MoU antara MSU serta Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, semalam.

Program itu dirasmikan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.